

# Filipina akui hubungan pemisah, militan Malaysia

BH - 4 SEP 2001

MANILA, Isnin - Kerajaan Filipina hari ini menyokong kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa kumpulan militan Islam Malaysia menialin hubungan dengan pemisah tempatan.

Manila, yang menerima laporan risikan beberapa bulan lalu menyatakan, kumpulan pelampau berpangkalan di Malaysia cuba mewujudkan rangkaian dengan kumpulan Islam di sini.

Jurucakap Presiden Gloria Arroyo, Rlgoberto Tiglao memberitahu pemberita di sini, pihak berkuasa Filipina sudah mengarahkan pemeriksaan ketat ke atas pelawat dari negara lain bagi memastikan mereka bukan anggota kumpulan militan Islam.

Akhbar Malaysia semalam memetik Dr Mahathir sebagai berkata, sebuah kumpulan yang menggelar diri mereka Kumpulan Mujahidin Malaysia, menjalin hubungan dengan pemisah Islam Filipina dan Indonesia untuk memerangi kerajaan masing-masing.

"Mereka bercita-cita besar, menubuhkan negara Islam di Malaysia, Indonesia dan Filipina menerusi kekerasan, tetapi ia bukannya semudah itu," kata Dr Mahathir.

Tiglao berkata, istana presiden menerima laporan menyatakan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF), kumpulan pemisah Islam terbesar negara itu, menjalin hubungan rapat dengan pelampau Islam Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, laporan itu tidak seharusnya menjejaskan rundingan damai yang sedang berlangsung dengan MILF.

MILF, yang dianggotai lebih 12,000 ahli, melancarkan pemberontakan sejak 23 tahun lalu di Pulau Mindanao, selatan Filipina.

Semalam, kumpulan yang disyaki anggota MILF menyerang hendap seorang gabenor wilayah di Mindanao, mencederakan enam pengawal peribadinya dan tentera menyifatkan serangan itu mencabuli perjanjian gencatan senjata. AFP